

Pengguna patut pulau barang mahal

9 DEC 1992
KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menegaskan pentingnya pengguna 'memulai' barang yang harganya terlalu tinggi untuk membendung inflasi.

Bercakap dalam Rancangan 'Bersama Perdana Menteri' menerusi RTM, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh menyerahkan kepada 'market forces', iaitu jika pengguna berasa harga itu mahal, maka dia tidak akan membeli.

"Kadang-kadang pengguna, walaupun mahal, dia beli juga. Sebab itu, kerajaan mengambil tindakan untuk memeriksa tiap-tiap kedai bagi menentukan sama ada harga barang diturunkan atau tidak, setelah dikurangkan cukai."

Perdana Menteri berkata, biasanya ada sahaja alasan yang diberikan oleh pekedai.

"Bila cukai diturunkan, dia terus menjual pada harga lama. Bila cukai naik, dia menaikkan harga dengan serta-merta, walaupun barang yang dijual itu sudah lama dibell," katanya.

"Dalam keadaan semacam ini, kerajaan mempunyai peranan. Tetapi, kita tidak boleh menafikan bahawa pengguna mesti memainkan peranan. Boikot kalau perlu dan jangan membeli barang yang terlalu tinggi harganya," tegasnya.

Dr Mahathir berkata dalam hubungan ini peranan Persatuan Pengguna adalah amat penting.

"Tetapi, kadang-kadang mereka lebih berminat dengan soal-soal pengguna. Kalau mereka menumpukan kepada soal pengguna dan mengadakan kempen tidak membeli barang yang harganya tidak berpatutan, saya yakin kita dapat membendung inflasi dalam negara kita," katanya.

Dengan itu, rakyat juga akan dapat nikmat yang besar kerana dengan wang yang ada, mereka boleh membeli lebih banyak barang. Jadi, rakyat mendapat keuntungan daripada peranan mereka dalam membendung inflasi.